



BULETIN IKIM

اينستيتوت كفافهم اسلام مليسيا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA




Wacana Diraja: Raja, Perlembagaan dan Patriotisme

Wacana ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong ke XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al- Musta'in Billah.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan semua rakyat agar menghayati prinsip Rukun Negara bagi pemangkin semangat patriotisme dalam masyarakat. Baginda menegaskan bahawa prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara merupakan panduan untuk sentiasa berlaku adil dalam mendaulatkan undang-undang dan lebih penting lagi, Rukun Negara memartabatkan kedudukan Raja, Negara dan Perlembagaan.

Turut hadir Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Toh Puan Sagiyah Salikin dan Datin Sri Zuraida Husin dan Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid (kiri berdiri)

www.facebook.com/institutkefahamanislammalaysia



Berdiri dari kiri ke kanan; Datuk Haji Ahamed Basheer bin Mohd Hussain, Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman, Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin, Datuk Sr. Haji Zakaria bin Hashim, Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal dan Pn. Hajah Nafiza binti Mohd Khir Hadi

Duduk dari kiri ke kanan; YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Toh Puan Sagiyah binti Salikin, Datin Sri Zuraida binti Husin dan Datuk Prof. Dr. Azizan binti Baharuddin

Colloquium: Demystifying Islamophobia - Towards A Deeper Understanding of Islam



Dari kiri ke kanan: En. Zafri Abdul Karim (Pustakawan), Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid (Pengerusi IKIM), Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin (Ketua Pengarah IKIM) dan Dr. Mohd Zaidi Ismail (Timbalan Ketua Pengarah IKIM) melihat koleksi nadir semasa lawatan Perdana Menteri ke Perpustakaan IKIM

Pada 11 November 2019 Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyampaikan ucapan kolokium ini. Antara pembentang kolokium adalah Dr. Hisham Hellyer (Fellow, Royal United Services Institute, United Kingdom) dan Dr. Hatem Bazian (Pengasas bersama Zaytuna College, Amerika Syarikat). Di antara lain, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan lebih banyak perbuatan ganas akan terus berleluasa pada masa hadapan jika masyarakat Islam terus ditindas. Perdana Menteri juga menegaskan punca utama serangan ganas di seluruh dunia adalah kekecewaan negara-negara Islam terhadap apa yang berlaku kepada rakyat Palestin.

(www.facebook.com/institutkefahamanislammalaysia)

Youth Debate: This House Resolves That Sustaining A Peaceful Malaysia Is Based On Tolerance



Dari kiri ke kanan: Pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus (Speaker) dan Pasukan Universiti Malaya (UM)

Pada 22 November 2019, IKIM dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara, telah mengadakan program 'Youth Debate' di atas satu resolusi seperti tajuk di atas. Dua buah universiti iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) telah mengambil bahagian di mana Universiti Malaya (UM) telah memenangi debat ini.

Muzakarah Pakar: “Kaedah Fiqh Manhaj Malaysia”

Pada 26 September 2019, IKIM telah menganjurkan Muzakarah Pakar “Kaedah Fiqh Manhaj Malaysia” yang bertujuan untuk membahaskan tentang konsep dan kepentingan tajuk menilai asas dan khazanah ilmiah di dalam memahami suasana semasa & setempat dan menggariskan pendekatan serta garis panduan dalam aplikasi Fiqh Manhaj Malaysia.



Dari kiri ke kanan: Dr. Mohd Farid Ravi (Pembentang) S.S Dato' Dr. Zulkifly Haji Muda, (Pembentang) Dr. Mohd Farid Mohd Shahrhan (Moderator) & Prof. Nazari Ismail (Pembentang)

Pelantikan Pengerusi IKIM

Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid telah dilantik sebagai Pengerusi IKIM mulai 4 Februari 2019 oleh Perdana Menteri.

Pelantikan Tan Sri Shaikh Ghazali sebagai Timbalan Pengerusi IKIM

Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi IKIM mulai 1 Oktober 2018.

Lantikan Baharu Ahli Lembaga Pengarah

Dua (2) orang Ahli Lembaga Pengarah baharu iaitu Datuk Haji Ahamed Basheer bin Mohd Hussain dan Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal telah dilantik oleh Perdana Menteri. Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27 pada 20 Jun 2019, telah melantik tiga (3) orang Ahli Lembaga Pengarah baharu yang terdiri daripada Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin, Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman dan Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob.

Dr. Mohd Farid Mohd Shahrhan, Pengarah Pusat SYARAK IKIM membuat pembentangan bertajuk 'Enhancing Human Dimension in Malaysia Flood Disaster Management' di International Workshop on Human Response to Disaster in Southeast Asia di Universiti Kyoto, Jepun pada 14 Januari 2019.

Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Fellow Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang & Politik IKIM telah membentang kertas kerja bertajuk 'Konsep Insan dan Makna Kebahagiaan' dalam program WISE Mesir pada 28 Januari 2019.

Pn. Azrina Sobian telah menyertai lawatan sambil belajar ke Hiroshima dan Kobe sempena International Workshop Human Response to Disaster in Southeast Asia di Inamori Building, Universiti Kyoto, Jepun pada 14-17 Januari 2019.

Prof. Dr. Tatiana A. Denisova (Fellow Kehormat IKIM) telah menyampaikan Taklimat Khas mengenai Koleksi Tamadun Islam Perpustakaan IKIM pada 11 Julai 2019 di Dewan Besar IKIM.

Pn. Hajah Siti Fatimah Abdul Rahman, Fellow Kanan, Pusat EMAS IKIM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *'Mencegah LGBT Dalam Kalangan Kanak-Kanak: Peranan Ibu Bapa Muslim'* di Seminar Kebangsaan Isu Sosial (SKESA) 2019 pada 10 Julai 2019 di USIM

En. Khairul Azhar Idris, Fellow Pusat EMAS IKIM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *'Psychospiritual Approaches in Cognitive Behavior Therapy'* di The 23rd Malaysian Conference of Psychological Medicine (MCPM) & 1st International Meeting of the World Psychiatric Association pada 11-13 Julai 2019 di Kuala Lumpur.

Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM telah membuat pembentangan bertajuk *'On Knowledge'* di 5th. WISE Summer School 2019 di UTM Kuala Lumpur pada 16 Julai 2019.

Dr. Nor Azaruddin Husni Haji Nuruddin, Fellow Kanan Pusat KIAS IKIM telah ditemubual oleh Radio Nasional fm berkaitan artikelnya bertajuk *'Makna Besar Jalur Gemilang'* pada 27 Ogos 2019.

Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM telah diundang sebagai pembentang dalam Bengkel Pengukuhan Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Siri 2 anjuran Majlis Islam Sarawak di Miri pada 19-20 Oktober 2019.

Dr. Mohd Farid Mohd Shahrin, Pengarah Pusat SYARAK IKIM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *'Pandangan Hukum berkaitan Hizb Tahrir Malaysia'* di Seminar Fatwa Difahami Syariat Dihayati kerjasama antara Jabatan Mufti Johor dan JAKIM pada 22 Oktober 2019.

En. Mohd Noor Omar, Fellow Pusat SYARAK IKIM telah membentangkan tiga (3) tajuk iaitu *'Pemuliharaan Jiwa & Hak, Peranan Wanita dan Institusi Keluarga dan Pengurusan Sumber Organisasi'* dalam Bengkel Aplikasi Maqasid Syariah dalam Organisasi di ILD, Bandar Enstek, Nilai pada 29 Oktober 2019.

Pelancaran Buku Baharu Terbitan IKIM di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 (PBAKL2019)

Pada 1 April 2019, IKIM telah melancarkan lima (5) buah buku iaitu *Harmony between Religion & Science: An Islamic Perspective; Islam & Pemuliharaan Biodiversiti; Daging Kultur: Konsep, Sejarah & Hukum Hakam; Filantropi Islam & Wakaf Korporat di Malaysia; dan al-Quran & Peradaban.* (www.ikimniaga.my)



Dari kiri ke kanan: Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin (Ketua Pengarah IKIM) Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid (Pengerusi IKIM) dan Dr. Mohd Zaidi Ismail (Timbalan Ketua Pengarah IKIM)

Program Pemuliharaan Biodiversiti dan Ekologi - Menurut Perspektif Islam



Prof. Madya Dr. Fachruddin Majeri Mangunjaya (Fellow Pelawat IKIM) bersama En. Noor Aliff Wira Osman, Pengarah Bahagian Perancangan dan Korporat, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)

Prof. Madya Dr. Fachruddin Majeri Mangunjaya telah menyampaikan syarahan khas bertajuk *'Pemuliharaan Biodiversiti dan Ekologi Menurut Perspektif Islam'* dan juga lawatan ke Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), di Cheras dan Paya Indah Wetlands, Dengkil.

Seminar "Kefahaman Islam Mengenai Makanan Sunnah dan Makanan Moden"

Seminar yang berlangsung pada 19-20 November 2019 ini mendapati bahawa makanan sunnah ialah makanan yang memenuhi kriteria pencegahan penyakit dan penjagaan kesihatan. Makanan Sunnah ialah segala jenis makanan yang memberi manfaat dan kebaikan sama ada disebut dalam al-Quran dan hadis atau tidak dirakam secara terperinci seperti kurma, zaitun, buah tin, madu dan habbatus sauda'. Seminar ini juga menyarankan agar umat Islam mengamalkan tatacara dan pengamalan pemakanan secara lebih holistik (seimbang, sederhana dan pelbagai).



Dari kiri ke kanan: Pn. Norkumala Awang (Pembentang), Dr. Khader Ahmad (Pembentang), Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (Moderator), Dr. Nurulwahidah Fauzi (Pembentang) dan En. Mohammad Mustaqim Malek (Pembentang)

Dr. Mohd Farid Mohd Shahrin, Pengarah Pusat SYARAK IKIM telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pemeliharaan Agama dan Akal dalam Organisasi Berteraskan Maqasid Syariah' di Kursus Aplikasi Maqasid Syariah dalam Organisasi di ILID, Bandar Enstek, Nilai pada 29 Oktober 2019.

En. Mohammad Mustaqim Malek, Pegawai Penyelidik Pusat KIAS IKIM telah menyampaikan ceramah 'Islam dan Derma Organ' dalam Kursus Training of Trainers Promosi Pemantapan Pendermaan Organ dalam Kalangan Pegawai Pendidikan Kesihatan di Seluruh Malaysia anjuran Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur pada 29 Oktober 2019.

Pn. Rosmidzatul Azila Mat Yamin, Fellow, Pusat KIAS IKIM membentangkan kertas kerja bertajuk 'Malaysia Experience in Connecting Islam, Culture and Nature' di 1st International Conference Religion, Law, Nature & Culture in Achieving Sustainable Development Goals di Universitas Nasional, Jakarta pada 26-29 Oktober 2019.

Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Warisan Turath dan Kerelavannya Dalam Konteks Kelestarian Hari Ini' di International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019) anjuran KUIS pada 5 November 2019.

Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM telah membuat pembentangan dan mewakili Malaysia dalam program ASEAN Women Interfaith Dialogue: Promoting Understanding for an Inclusive and Peaceful Society di Jakarta pada 12-13 November 2019.

Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM telah membuat pembentangan dan mewakili Malaysia dalam program 2nd Intertantional Workshop 'Together for Diversity Fostering inter- and intra-religious dialouge to prevent and mitigate conflicts in South and Southeast Asia' di Jakarta pada 17-19 Disember 2019.

Anugerah Nasyid IKIM 2019 (AN19) Juara: CALIPH BASKERS



Dari kiri ke kanan: Zaki Ismail, Nirwan Zainalabidin, Khairul Azmi Saat, Syahzameen & Nor Nadira Rubina, Tun Ahmad Saji Abdul Hamid (Pengerusi IKIM) dan Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin (Ketua Pengarah IKIM).

Pada 30 Nov 2019, IKIM telah menganjurkan Anugerah Nasyid IKIM 2019 (AN19). Dua belas (12) finalis terdiri daripada REUNIC (Bertemu Semula), Ikhwan Fatanna (Bismillah), Caliph Buskers (Buta), Saujana (Satu Dalam Perjuangan), Mirwana (Cinta Bukan Mainan), In Team (Dia), XPDC (Doa), Far East (Gugur Di Setiamu), Rabbani (Ittihad), Adeep Nahar (Izinkan), Rabithah (Jalan Keluar) dan Khai Bahar (Cahaya 114). Caliph Baskers telah menjadi juara dalam Anugerah Nasyid IKIM 2019 (AN19).



Penjenamaan Semula Radio IKIM Sempena Ulang Tahun IKIM Ke-27

Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid telah memperkenalkan logo dan tagline baharu iaitu 'Inspirasi Inforia Islami' pada 19 Februari 2019. Radio IKIM merupakan satu-satunya stesen radio berkonsepkan pendekatan Islami yang beroperasi selama 24 jam sehari setiap hari ke seluruh negara. Layari: www.ikimfm.my



Pesona di balik tabir malam

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR
TEL: 0362046200 / E-mel: pr@ikim.gov.my / FB IKIM / Youtube IKIM